

Virus denggi lebih 'ganas'

Harian Metro

1/7/2015

m/s 51

■ Kerajaan tumpu kepada kawalan vektor seperti racun aedes dalam cat dinding rumah

Kuala Lumpur

Kajian Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) mendapati tiada bukti mengenai kewujudan jenis denggi yang berlainan walaupun terdapat laporan pesakit mempamerkan simptom yang berbeza.

Bagaimanapun, kajian menyeluruh sedang dijalankan bagi mengenal pasti simptom ditunjukkan dalam kalangan pesakit yang terdedah kepada penyakit itu yang semakin meningkat masa kini, kata Pengarah IMR Dr Jasbir Singh Dhaliwal.

"Selain daripada penyelidikan virus denggi, banyak penyelidikan terhadap kawalan vektor denggi sudah dijalankan di IMR.

Pada masa kini, tiada rawatan yang khusus dan vaksin terhadap denggi masih dalam penilaian. Maka kaedah membantaras denggi ditumpukan kepada kawalan vektor iaitu 'Aedes aegypti' dan 'Ae albopictus'," katanya semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam ba-

hawa negara mungkin menghadapi wabak denggi terbesar pernah berlaku dengan lebih 40,000 kes dan 157 kematian dilaporkan sejak Januari tahun ini.

Dr Subramaniam dipetik berkata, banyak kes baru yang dilaporkan tahun ini ialah jenis denggi yang belum pernah berlaku sebelum ini selain tingkah laku virus berbeza sekarang.

Sehubungan itu, Dr Jasbir berkata, kaedah dan konsep kawalan vektor denggi yang inovatif sedang dibangunkan termasuk mewujudkan racun nyamuk boleh meresap di dinding luar rumah.

"Racun serangga ini akan melekat dipermukaan yang disembur dan ini akan membunuh nyamuk dewasa apabila nyamuk hinggap di permukaan tersebut. Penilaian awal di lapangan secara besar-besaran menunjukkan kejayaan," katanya.

Beliau berkata, racun berkenaan yang dinamakan 'Deltamethrin' telah dirumuskan di dalam cat dan kini dalam proses untuk memperoleh kelulusan daripada pihak berkuasa bagi mengawal selia racun serangga sebagai rawatan mengecat dalam rumah.

Katanya, inovasi lain membabitkan kebolehan ramalan wabak denggi dipertingkatkan dengan membangunkan model matematik berdasarkan data alam sekitar dan analisis menggunakan rangkaian neural.

Sementara itu, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia Dr Ashok Zachariah Philip berkata, virus denggi dewasa kini sudah bermutasi pada jenis baru.

'Mutasi' ini adalah proses biasa - setiap satu atau dua tahun, jenis virus denggi akan berubah, tetapi kali ini virus yang ada lebih ganas dan parah kesannya pada pesakit," katanya.

Beliau berharap Kementerian Kesihatan akan terus membantu pengamal perubatan swasta mendapat 'alat ujian' untuk denggi pada harga yang rendah agar mereka boleh mengesan penyakit pada peringkat awal.

"Kerajaan memang ada pengalaman dalam proses mengatasi wabak denggi dan orang ramai seharusnya membersihkan kawasan persekitaran untuk mengurangkan risiko tempat pembiakan nyamuk Aedes," katanya. - BERNA-MA